

14 DEC. 2017

## PPRN bukti kerjasama strategik industri-universiti

**KUALA LUMPUR 13 Dis.** - Program Jaringan Penyelidikan Swasta-Awam (PPRN) terbukti mampu mewujudkan jalinan kerjasama strategik antara pihak industri dengan universiti dan institusi pengajian tinggi (IPT), sekali gus menyumbang kepada pemerikasaan ekonomi negara.

Ketua Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSSAAS), **Dr. Rokimah Mohamad** berkata, selain mewujudkan penyelesaian kepada permasalahan berkaitan industri, program itu secara tidak langsung membuktikan keupayaan sebuah IPT memenuhi keperluan industri.

"Kolaborasi industri dengan penyelidik seperti yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui PPRN merupakan rangkaian kerjasama bistari dan dinamik.

"Kerjasama seperti ini perlu diperluaskan lagi kerana berpotensi mewujudkan platform inovasi yang lebih memberi impak, khususnya kepada sektor keusahawanan dan pendidikan negara," katanya ketika ditemui pada Sidang Kemuncak Komuniti Keusahawanan Global 2017 di sini, semalam.

Pada majlis itu, PSSAAS diumumkan juara Anugerah PPRN bagi Kategori Penyedia Penyelesaian Terbaik yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Rokimah berkata, kemenangan PSSAAS melalui pelaksanaan 15 projek PPRN merupakan bukti kejayaan dan keberkesanan kolaborasi antara pihak universiti.

"Sepanjang tahun ini, PSSAAS terlibat dalam penghasilan kelengkapan dan mesin untuk kegunaan sektor perusahaannya kecil dan sederhana (PKS), seperti mesin keju semi automatik, mesin pembungkusan kopi dan mesin acuan gula nira yang berjaya menggantikan

kaedah lama secara manual," katanya.

Jelasnya, pelaksanaan projek PPRN oleh PSSAAS melibatkan 28 orang penyelidik dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Kejuruteraan Elektronik dan kumpulan pelajar.

Beliau yang mewakili kumpulan penyelidik PSSAAS menyifatkan penglibatan dalam program berkenaan sebagai pengalaman yang cukup bernilai kerana berupaya mempraktikkan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang kejuruteraan untuk kegunaan industri.

"Peluang yang diberikan oleh KPT melalui program ini telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh kami. Selain menjadi medan ujian kepada teori dan ilmu yang sedia ada, projek ini juga banyak melibatkan ilmu-ilmu baharu yang tidak diterokai sebelum ini," katanya.

Lebih membanggakan, katanya, penghasilan peralatan industri itu mendapat maklum balas positif kerana keupayaannya meningkatkan produktiviti di samping mengurangkan kos pengeluaran.

"Melalui perbincangan dan maklum balas yang diterima, kebanyakan usahawan yang terlibat dalam projek ini sangat berpuas hati dengan inovasi yang dihasilkan," katanya.

Sementara itu, usahawan kek yang terlibat dalam projek PPRN-PSSAAS, **Eravaizura Salleh**, 32, pula berkata, mesin isian keju dan pengadun tepung automatik yang dihasilkan berjaya meningkatkan pengeluaran sehingga 25 peratus.

"Kedua-dua mesin berkenaan disiapkan dalam masa tiga bulan selepas perbincangan dengan pihak PSSAAS. Penggunaannya bukan sahaja mempercepatkan pengeluaran bahkan menjimatkan tenaga kerja manusia, sekali gus meningkatkan keuntungan," ujar Pengarah Cheesecake Zowa dari Ayer Keroh, Melaka itu.



ROKIMAH MOHAMAD



ERAVAZURA SALLEH

PUTRAJ  
ledakan  
ilmu pe  
padan p  
teknolog  
menyeb  
pengeta

Ketua  
lindung  
Mohd.

yang di  
kini ial

yang bu

bagai a

tetapi t

han dal

pembel

Justi

gi per

umum

beri s

dan ia

sumba

satu k

masala

Bag

syika

maku

berkol

meny

terseb

pihak

sian d

"K

dap j

di la

What

dan

rend

dar

kom

kata

bar

lin

me

my

tit

16

ly

b

f